

## **Program OSH In School ke arah sekolah selamat**



Pekan, 8 April - Dalam usaha memupuk budaya keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP), Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHMO) Universiti Malaysia Pahang (UMP) mengadakan program kerjasama OSH in School dengan Sekolah Berasrama Penuh Integrasi Tun Abdul Razak (Instar), Pekan.

Program yang diadakan buat kali keduanya ini bertujuan menjalinkan kerjasama di antara pihak universiti, industri dan sekolah bagi berkongsi ilmu berkaitan kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan dalam persekitaran sekolah.

Menurut Pengarah Pejabat OSHMO, Muhammad Hairynizam Muhd Taib, pihaknya telahpun mengadakan perbincangan dengan pihak pengurusan sekolah InSTAR khususnya untuk meningkatkan tahap kesedaran KKP dalam kalangan warga sekolah.



"Kesedaran ini penting dalam membantu pihak sekolah untuk melaksanakan perancangan pengurusan risiko KKP bagi menyediakan persekitaran sekolah yang bebas kemalangan kepada warganya. Di samping itu ianya bertujuan melaksanakan khidmat komuniti terhadap sekolah dan pada masa yang sama mempromosikan universiti kepada pihak luar," katanya.

Bagi ketua program, Ahmad Harris Abd Hamid, penganjuran kali kedua ini juga sebagai menyokong saranan kerajaan dalam memupuk budaya keselamatan dan kesihatan pekerjaan sebagaimana digariskan dalam Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia 2016-2020.

Pelbagai aktiviti menarik dijalankan seperti aktiviti Hazard Hunt, Safety Games serta ceramah kesedaran KKP yang disampaikan oleh Pensyarah Kanan FTeK, Prof. Madya Dr Mohd Fadzil Mohd Idris.



Sementara itu, pelajar InSTAR, Mohamad Danish Aiman,16 berkata, pendedahan yang diberikan sepanjang program ini banyak membantu beliau dan rakan-rakan meningkatkan pengetahuan berkaitan asas keselamatan dan kesihatan pekerjaan dan wajar diteruskan pada masa akan datang.

Manakala bagi wakil HSE Practitioner, Atikah Mustaffa inisiatif yang dilakukan oleh pihak OSHMO ini adalah satu langkah yang proaktif dalam mempromosikan budaya KKP di peringkat awal terutama menglibatkan pelajar sekolah.

OSHMO dengan kerjasama Unit Teknikal Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli (FKKSA), Pengamal Keselamatan, Kesihatan dan Persekutaran (HSE Practitioner) dan Pelajar UMP berharap perkongsian pengetahuan dan teknologi yang boleh digunakan oleh pihak sekolah bagi memastikan persekitaran sekolah adalah selamat dan sihat.

**Disediakan oleh Ahmad Harris Abd Hamid dari Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHMO)**

Posted By : NORHIDAYAH BINTI MOHAMAD Date Posted : 19-04-2017, 15:42:49